



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA


PENDIDIKAN MUZIK

PENDIDIKAN KHAS

Tingkatan

5





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

PENDIDIKAN

MUZIK

PENDIDIKAN KHAS

Tingkatan 5

PENULIS

Ahmad Hafzan bin Hassan
Rosman bin Adam

EDITOR

Nabilah binti Abdul Razak

PEREKA BENTUK


Fara Ilyani binti Zohri

ILUSTRATOR

Mohd. Nizam bin Md. Isa

 **aras mega (m) sdn bhd**
(164242-W)

2020



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No Siri Buku: 0142

KPM2020 ISBN 978-967-2448-89-1

Cetakan Pertama 2020

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,
Taman Desa Damai, Sungai Merab,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03-8925 8975
No. Faksimile: 03-8925 8985
Laman Web: www.arasmega.com
E-mel: amsb@arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Arif Corporation Sdn. Bhd.
No. 42, Jalan Pengasah 15/13,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 012-2273472
E-mel: admin@arifcorp.com.my

PENGHARGAAN

Penerbitan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat.

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kumpulan Kesenian Anjung Tradisi.
- Kelab Angklung Wariseni, SMK Taman Sri Muda, Shah Alam.
- Sanggar Seni Malaysia.
- Kelab Sape Dayak Sibul.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).
- PISMP, Jabatan Pendidikan Muzik, IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

<i>Pendahuluan</i>	v
<i>Senarai Ikon</i>	vi
<i>Kenali Muzik Kita</i>	vii

Unit 1: Selamat Pagi Malaysia

Etika Aktiviti Nyanyian	2
Latihan Pernafasan	4
Lagu Pusingan (Round Song)	5
Dinamik	7
Penilaian	8

Unit 2: Keazaman Baharu

Sebutan	12
Tanda Isyarat Muzik	14
Penilaian	18

Unit 3: Perwira Bangsa

Krocet dan Kuaver	22
Penilaian	28

Unit 4: Melodi Masa

Minim Bertitik dan Krocet Bertitik	32
Caklempong	36
Penilaian	38

Unit 5: Warisan Budaya

Semikuaver	42
Gamelan	43
Sape	47
Penilaian	49

Unit 6: Bumiku Tercinta

Angklung	54
Dondang Sayang	58
Penilaian	60

Unit 7: Mencapai Impian

Ghazal	64
Improvisasi Corak Irama	67
Mencipta Corak Irama	68
Penilaian	69

<i>Glosari</i>	71
<i>Rujukan</i>	72

PENDAHULUAN

Buku teks **Pendidikan Muzik Pendidikan Khas Tingkatan 5** telah ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum ini telah mengambil kira keupayaan dan potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari setiap sudut kategori dan kefungsiannya seperti kategori masalah pembelajaran, ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan.

Terdapat empat komponen yang perlu dikuasai oleh murid dalam buku teks ini:



Elemen muzik memberikan pengetahuan konsep bagi unsur-unsur asas dalam muzik. Murid-murid perlu melibatkan diri dalam elemen ini seperti mendengar, mengajuk, menghayati, memberi respons, memainkan alat muzik dan menulis notasi muzik.



Pengalaman muzikal merupakan pengetahuan dan kemahiran asas dalam nyanyian, permainan alat muzik dan seni tari. Dalam aspek ini, murid melibatkan diri dalam ketiga-tiga bidang seperti nyanyian, alat muzik dan seni tari.



Penghargaan estetik memerlukan MBK memberi pendapat terhadap hasil karya dan persembahan muzik. Elemen ini dapat melatih murid-murid untuk menilai dan menghargai setiap genre muzik yang terdapat di Malaysia.



Ekspresi kreatif membolehkan MBK menyatakan persepsi, perasaan dan idea kreatif. Melalui elemen ini, murid dapat menghasilkan idea-idea yang kreatif menerusi aktiviti meneroka, mengimprovisasi dan menghasilkan ciptaan berasaskan corak irama.

Keempat-empat komponen tersebut telah diterapkan dengan aspek-aspek yang penting seperti Kemahiran Abad Ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK).

Kandungan buku Pendidikan Muzik Pendidikan Khas Tingkatan 5 ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada murid dan menjadi panduan kepada guru. Di samping itu, buku ini juga dapat melengkapkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai estetik agar murid mempunyai kesedaran terhadap jenis muzik daripada pelbagai genre.

SENARAI IKON

Buku teks ini juga disertakan dengan beberapa ikon bagi membantu murid meningkatkan pemahaman dan minat terhadap topik pembelajaran yang bakal dipelajari oleh murid.



Membantu murid memahami pembelajaran dengan lebih berkesan melalui kaedah pendengaran daripada audio.



AKTIVITI

Aktiviti di dalam dan di luar kelas dilaksanakan untuk membantu murid menguasai pembelajaran.



Elemen Merentas Kurikulum (EMK).



PENILAIAN

Penilaian terhadap satu unit pelajaran secara keseluruhan.

Nota Guru

Panduan kepada guru untuk menjalankan aktiviti bersama-sama murid.



LATIHAN

Latihan yang menguji kefahaman murid berkaitan topik yang sudah dipelajari.

SILA IMBAS



Penyediaan maklumat tambahan terus ke laman sesawang melalui kod QR yang disediakan.



INFO TAMBAHAN

Info tambahan untuk membantu meningkatkan pengetahuan murid.



Nombor Standard Pembelajaran bagi rujukan guru.



IMBAS SEMULA

Mengimbas semula topik yang pernah dipelajari.



Soalan yang menguji tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid.



Panduan kepada guru tentang halaman latihan yang perlu dicetak untuk diberikan salinan kepada murid.

Cara-cara menggunakan aplikasi AR

1. Muat turun aplikasi AR dengan mengimbas kod QR di sebelah.
2. Klik butang Pendidikan Muzik Pendidikan Khas Tingkatan 5. Kemudian, tekan *Download*.
3. Buka aplikasi, tekan butang muka surat halaman AR berkenaan dan imbas imej untuk menikmati pengalaman pembelajaran yang baharu.



Kemahiran Abad Ke-21.



KOD AR

Imbas halaman yang mempunyai ikon ini.

KENALI MUZIK KITA

Unit 1

Selamat Pagi Malaysia

Murid mempelajari komponen pengalaman muzikal yang mengandungi etika aktiviti nyanyian, latihan pernafasan dan menghayati lagu pusingan “Selamat Pagi Malaysia”. MBK juga mendalami dinamik pada komponen elemen muzik.

Unit 2

Keazaman Baharu

Murid mempelajari komponen pengalaman muzikal yang mengandungi sebutan dan menghayati lagu pusingan “Keazaman Baharu”. Murid juga mendalami komponen elemen muzik, iaitu mempelajari tentang tanda isyarat muzik dan notasi muzik semibrif dan minim.

Unit 3

Perwira Bangsa

Murid mempelajari komponen elemen muzik melalui notasi muzik, iaitu krocet dan kuaver, memainkan alat perkusi pada lagu “Pejuang Negara” dan memainkan corak irama menggunakan alat perkusi yang sesuai.

Unit 4

Melodi Masa

Murid mempelajari komponen elemen muzik yang mengandungi notasi muzik minim bertitik dan krocet bertitik, memainkan alat perkusi pada lagu “Masa yang Berharga” dan menghayati apresiasi muzik Malaysia, iaitu caklempong melalui komponen penghargaan estetik.

Unit 5

Warisan Budaya

Murid mempelajari komponen elemen muzik yang mengandungi notasi muzik, iaitu semikuaver dan mendalami etika bermain alat muzik dalam komponen pengalaman muzikal. MBK juga bermain gamelan bagi lagu “Antawada” dan menghayati apresiasi muzik Malaysia, iaitu sape.

Unit 6

Bumiku Tercinta

Murid mempelajari komponen pengalaman muzikal menerusi alat muzik angklung dan menghargai nilai estetik muzik Malaysia, iaitu dondang sayang. MBK juga menganalisis lagu “Tanah Pusaka” untuk memahami pelajaran dinamik.

Unit 7

Mencapai Impian

Murid mempelajari komponen penghargaan estetik dalam muzik Malaysia, iaitu ghazal, menganalisis lagu “Ke Puncak Kinabalu” dan mendalami komponen ekspresi kreatif, iaitu improvisasi dan mencipta corak irama. MBK juga perlu melaksanakan tugas penilaian secara berkumpulan dan individu.



UNIT 1

SELAMAT PAGI MALAYSIA

STANDARD PEMBELAJARAN


Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

- 1.3.1** Menenal pasti dinamik pada skor.
- 1.3.2** Mengaplikasikan dinamik dalam aktiviti muzik.
- 1.3.3** Membanding beza dinamik pada skor dalam aktiviti muzik.
- 2.1.1** Bernyanyi lagu pusingan dengan:
 - (i) Tempo yang betul.
 - (ii) Sebutan yang jelas.
 - (iii) Pic yang betul.
 - (iv) Ekspresi yang sesuai.
- 2.1.2** Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas aktiviti nyanyian.

Keunikan reka bentuk bangunan dan jambatan serta keindahan landskap taman dan tasik menjadikan Putrajaya sebagai salah satu destinasi pelancongan di negara ini.

ETIKA AKTIVITI NYANYIAN

Terdapat beberapa etika yang perlu diikuti oleh penyanyi sebelum, semasa dan selepas bernyanyi.



Nilai Murni dalam Aktiviti Nyanyian

Sebelum

- Bertanggungjawab
- Toleransi
- Hormat-menghormati

Semasa

- Kerjasama
- Keberanian
- Berdisiplin

Selepas

- Kesyukuran
- Kerajinan
- Berterima kasih

Nota Guru

- Bimbing murid untuk memahami dan mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas aktiviti nyanyian.

LATIHAN PERNAFASAN

Latihan pernafasan yang dilakukan dengan betul sebelum mula bernyanyi dapat membantu anda bernyanyi dengan lebih baik.

INFO TAMBAHAN

Elakkan daripada mengangkat bahu ketika menarik nafas.

Teknik Pernafasan

1. Tarik nafas melalui mulut.
2. Udara akan memenuhi paru-paru.
3. Perut akan mengembang.
4. Hembuskan nafas melalui mulut.
5. Perut akan mengempis.

SILA IMBAS

SILA IMBAS

Teknik Hissing

Salah satu teknik melepaskan nafas dengan menyebut "hiss".

1. Tarik nafas dalam kiraan 4 detik dengan menggunakan mulut.
2. Tahan nafas dalam kiraan 4 detik.
3. Lepaskan nafas melalui mulut dengan menyebut "hiss" dalam kiraan 16 detik.

LAGU PUSINGAN (ROUND SONG)

Lagu pusingan (Round song) ialah sebuah lagu yang dinyanyikan oleh dua kumpulan penyanyi atau lebih tetapi tidak dimulakan secara serentak. Kumpulan A akan memulakan nyanyian terlebih dahulu diikuti oleh Kumpulan B pada bahagian atau tempat-tempat tertentu. Nyanyian yang merdu dan harmoni akan terhasil jika kedua-dua kumpulan menyanyikan lagu pusingan dengan betul.

SILA IMBAS

<https://arasmega.com/qr-link/contoh-nyanyian-lagu-pusingan/>



Latihan Pemanasan Suara 1

Audio 1.1

Latihan pemanasan suara 1

♩ = 110

la la la la la la la la la

Latihan Pemanasan Suara 2

Audio 1.2

Latihan pemanasan suara 2

♩ = 110

Kumpulan A

la la la la la la la la la

Kumpulan B

la la la la la la la la la

Selamat Pagi Malaysia

♩ = 110

Kumpulan A

Kumpulan B



Lagu Selamat Pagi Malaysia (Vokal)



Lagu Selamat Pagi Malaysia (Instrumental)



Lagu Selamat Pagi Malaysia (Minus one)



Dinamik




DINAMIK

Dinamik ialah elemen yang digunakan untuk menyatakan kuat atau lembut bunyi dalam sesebuah lagu.

Nama dinamik	Penerangan	Simbol
<i>Pianissimo</i>	Sangat lembut	<i>pp</i>
<i>Piano</i>	Lembut	<i>p</i>
<i>Mezzo piano</i>	Sederhana lembut	<i>mp</i>
<i>Mezzo forte</i>	Sederhana kuat	<i>mf</i>
<i>Forte</i>	Kuat	<i>f</i>
<i>Fortissimo</i>	Sangat kuat	<i>ff</i>
<i>Crescendo</i>	Semakin kuat	\langle
<i>Decrescendo</i>	Semakin lembut	\rangle

Gambar rajah di bawah menunjukkan contoh dan perbandingan kekuatan setiap dinamik.



AKTIVITI

- Bahagikan murid kepada dua kumpulan (Kumpulan A dan Kumpulan B).
- Kumpulan A akan menyanyikan lagu "Selamat Pagi Malaysia" mulai bar 1.
- Kumpulan B akan mula bernyanyi pada bar 2.

Kumpulan A	Selamat pagi	selamat pagi	Malaysia	Malaysia
Kumpulan B		Selamat pagi	selamat pagi	Malaysia
	Aman dan sentosa	aman dan sentosa	Hidup bahagia	hidup bahagia
	Malaysia	Aman dan sentosa	aman dan sentosa	hidup bahagia
	hidup bahagia			

Nota Guru

- Bimbing murid bernyanyi dengan tempo dan pic yang betul, sebutan yang jelas serta ekspresi yang sesuai.

Nota Guru

- Bimbing murid untuk membezakan dinamik serta memberi contoh selain daripada yang diberi.

UNIT 2

KEAZAMAN BAHARU

STANDARD PEMBELAJARAN







Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

- 1.1.1 Menulis meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$.
- 1.1.2 Memainkan alat perkusi mengikut detik pada lagu bermeter:
(i) $\frac{2}{4}$ (ii) $\frac{3}{4}$ (iii) $\frac{4}{4}$
- 1.1.3 Menggabungkan pelbagai alat perkusi mengikut meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$.
- 1.2.1 Mengajuk corak irama yang mengandungi not dan tanda rehat.
- 1.2.2 Menerangkan corak irama dalam aktiviti muzik.
- 1.2.3 Memainkan corak irama menggunakan alat perkusi.
- 1.2.4 Menghasilkan corak irama dalam aktiviti muzik.
- 1.4.1 Menerangkan tanda isyarat muzik pada skor lagu.
- 1.4.2 Mengenal pasti tanda isyarat muzik pada skor lagu.
- 1.5.1 Mengenal pasti not, nilai dan tanda rehat.
- 1.5.2 Menulis notasi muzik pada baluk.
- 1.5.3 Mengaplikasikan notasi muzik dalam aktiviti muzik.
- 2.1.1 Bernyanyi lagu pusingan dengan:
 - (i) Tempo yang betul.
 - (ii) Sebutan yang jelas.
 - (iii) Pic yang betul.
 - (iv) Ekspresi yang sesuai.

Jambatan pejalan kaki Pintasan Saloma (Saloma Link) dibina berhampiran Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Kampung Baru merentasi Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH). Jambatan ini dilengkapi dengan sistem pencahayaan canggih dan seni binanya berinspirasi "Sirih Junjung" yang sinonim dengan adat resam budaya Melayu.

SEBUTAN

Sebutan yang betul dan jelas amat penting dalam nyanyian supaya pendengar dapat memahami lirik lagu yang disampaikan oleh penyanyi. Berikut ialah contoh gambar bukaan mulut bagi sebutan vokal.

<p>Sebutan vokal A</p>  <p>Contoh perkataan: ARAS</p>	<p>Sebutan vokal E</p>  <p>Contoh perkataan: ELAK</p>	<p>Sebutan vokal I</p>  <p>Contoh perkataan: IRAS</p>
<p>Sebutan vokal O</p>  <p>Contoh perkataan: OTAK</p>	<p>Sebutan vokal U</p>  <p>Contoh perkataan: ULAR</p>	<p>SILA IMBAS</p>  <p>http://arasmega.com/qr-link/sebutan/</p>

Latihan Pemanasan Suara

Kumpulan A



Kumpulan B





Nota Guru

- Minta murid menyebut perkataan dengan sebutan, ton suara dan intonasi yang betul.
- Guru boleh menggunakan perkataan lain untuk aktiviti sebutan yang betul.
- Tonton video sebutan yang betul pada kod QR.



AKTIVITI



Mengaplikasi



Kerja Berpasukan

- Bahagikan murid kepada dua kumpulan (Kumpulan A dan Kumpulan B).
- Kumpulan A akan menyanyikan lagu “Keazaman Baharu” mulai bar 1.
- Kumpulan B akan mula bernyanyi pada bar 2.
- Menyanyi dengan sebutan yang jelas.
- Kedua-dua kumpulan menyanyi dengan dinamik yang betul mengikut skor lagu yang diberi.
- Murid mengamalkan etika aktiviti nyanyian.

Keazaman Baharu

Moderato

Lagu dan lirik: A. Hafzan Hassan

Kumpulan A



Kumpulan B







Nota Guru

- Bimbing murid bernyanyi dengan tempo, pic, sebutan, dan ekspresi yang betul.



Lagu Keazaman Baharu (Vokal)



Lagu Keazaman Baharu (Instrumental)



Lagu Keazaman Baharu (Minus one)



TANDA ISYARAT MUZIK

Mari kita kenali tanda isyarat muzik di bawah.

Da Capo (D.C.)

Da Capo (D.C.) ialah perkataan Itali yang bermaksud dari mula. Tanda isyarat *D.C* pada penghujung skor menandakan lagu perlu dimainkan semula daripada bar pertama. *D.C* sama fungsinya seperti tanda ulangan.

Coda

Coda ialah bermaksud ekor. Tanda isyarat *Coda* ini menandakan bahagian akhir sesebuah lagu. Bahagian ini biasanya terpisah daripada skor lagu.

D.C al Coda

D.C al Coda bermaksud lagu perlu diulangi dari permulaan muzik hingga bertemu dengan tanda isyarat *Coda*. Kemudian, terus ke bahagian yang bertanda *Coda*.

Skor lagu di bawah adalah contoh penggunaan *D.C al Coda* di dalam lagu.



Audio 2.5
Lagu Burung di Waktu Pagi

C F
A - da se - e - kor bu - rung ter - bang - nya di wak - tu pa -
7 To Coda
G C Em
gi Ter - bang be - bas di - a ke sa - na ke si - ni Ter - bang
13 F G C D.C. al Coda
di - a sam - bil men - ca - ri re - ze - ki
Coda
Am F
Ter - bang be - bas di - a ke sa - na ke si - ni Ter - bang
13 G C
di - a sam - bil men - ca - ri re - ze - ki

Nota Guru

- Bimbing murid untuk mengenal pasti tanda isyarat muzik pada skor lagu.
- Nyanyikan lagu "Burung di Waktu Pagi" dengan mengaplikasikan tanda isyarat muzik.



Semibrif dan Minim

Nama not	Simbol not	Simbol tanda rehat	Nilai
Semibrif			4
Minim			2



LATIHAN

- Dengar dan ajuk semula corak irama di bawah.

Audio 2.6
Corak irama

- Berdasarkan Corak Irama 1 dan Corak Irama 2 di bawah:
 - Terangkan penggunaan corak irama tersebut.
 - Mainkan corak irama dengan menggunakan alat perkusi yang sesuai.

Corak Irama 1

Audio 2.7
Corak irama 1

Corak Irama 2

Audio 2.8
Corak irama 2

Nota Guru

- Bimbing murid untuk mengenal pasti not, mengajuk, menerangkan dan memainkan corak irama dengan menggunakan alat perkusi yang sesuai.





AKTIVITI

1. Dengar lagu “Keazaman Baharu” pada audio yang diberi.
2. Mainkan alat perkusi mengikut detik lagu.
3. Mainkan alat perkusi mengikut corak irama bagi mengiringi lagu.



Keazaman Baharu

Moderato

C

mf

A - yuh - lah ka - wan se - mu - a Ta - nam -

3

G⁷

kan a - zam i - ngin ber - ja - ya Buk - ti - kan pa - da me -

6

C

re - ka Ki - ta mam - pu ca - pai se - ga - la - nya



Lagu Keazaman Baharu mengikut detik



Lagu Keazaman Baharu (Iringan perkusi)



Lagu Keazaman Baharu (Tanpa iringan perkusi)



Mengaplikasi



LATIHAN



SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/latihan-m-s-17/>

Kemahiran Abad Ke-21

Kreativiti



Mencipta

1. Bentukkan kumpulan dan hasilkan corak irama untuk dua alat perkusi.
2. Tulis corak irama yang telah dihasilkan pada ruangan baluk yang disediakan.
3. Corak irama kumpulan perlulah mengandungi not minim, semibrif, dan tanda rehat.
4. Mainkan semula corak irama yang telah dihasilkan bagi mengiringi lagu.



Keazaman Baharu

Moderato

C

mf

A - yuh - lah ka - wan se - mu - a Ta - nam -

3

G⁷

kan a - zam i - ngin ber - ja - ya Buk - ti - kan pa - da me -


6

C

re - ka ki - ta mam - pu ca - pai se - ga - la - nya

Nota Guru

- Bimbing murid untuk menghasilkan corak irama meter $\frac{4}{4}$.
- Guru boleh menggunakan skor lagu lain mengikut tahap kebolehan murid.



PENILAIAN

1 Ensembel Nyanyian

- Berpandukan skor lagu “Keazaman Baharu”, bahagikan murid kepada dua kumpulan (Kumpulan A dan kumpulan B).
- Nyanyikan lagu pusingan “Keazaman Baharu”.



Mengaplikasi

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/borang-penilaian-ensembel-nyanyian-unit-2/>

- Jawab soalan di bawah berdasarkan skor lagu “Burung di Waktu Pagi”.

C F
 A - da se - e - kor bu - rung ter - bang - nya di wak - tu pa -
 7 To Coda
 G C Em
 gi Ter - bang be - bas di - a ke sa - na ke si - ni Ter - bang
 13 F G C D.C. al Coda
 di - a sam - bil men - ca - ri re - ze - ki.
 Coda
 Am F
 Ter - bang be - bas di - a ke sa - na ke si - ni Ter - bang
 13 G C
 di - a sam - bil men - ca - ri re - ze - ki.


- Nyatakan meter yang digunakan di dalam lagu ini.
- Apakah nombor bar yang mempunyai tanda *Coda*?
- Terangkan maksud tanda isyarat *D.C al Coda*.
- Bulatkan simbol *Coda*.

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/latihan-ms-18-19/>

- Tulis corak irama sepanjang 4 bar dengan menggunakan meter $\frac{4}{4}$.



- Lengkapkan corak irama di bawah dengan not yang betul.



Mencipta

Corak Irama 1



Corak Irama 2



Corak Irama 3



Tandakan tahap penguasaan anda

	Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Mahir
a. Dapat memainkan alat perkusi mengikut detik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Dapat mengenal pasti nama not, simbol, tanda rehat, nilai semibrif, dan minim.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Dapat menghasilkan corak irama untuk dua alat perkusi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d. Dapat menulis not muzik pada baluk.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNIT 3

PERWIRA BANGSA

STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

I.1.1 Menulis meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$.

I.1.2 Memainkan alat perkusi mengikut detik pada lagu bermeter:
(i) $\frac{2}{4}$ (ii) $\frac{3}{4}$ (iii) $\frac{4}{4}$

I.1.3 Menggabungkan pelbagai alat perkusi mengikut meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$.

I.2.1 Mengajuk corak irama yang mengandungi not dan tanda rehat.

I.2.2 Menerangkan corak irama dalam aktiviti muzik.

I.2.3 Memainkan irama menggunakan alat perkusi.

I.2.4 Menghasilkan corak irama dalam aktiviti muzik.

I.5.1 Mengenal pasti not, nilai dan tanda rehat.

I.5.2 Menulis not muzik pada baluk.

I.5.3 Mengaplikasi notasi muzik dalam aktiviti muzik.

Terima kasih petugas barisan hadapan negara atas pengorbanan besar dalam memutuskan rantaian pandemik COVID-19.



KROCET DAN KUAYER

Nama not	Simbol not	Simbol tanda rehat	Nilai
Krocet			1
Kuaver			1/2

IMBAS SEMULA

Dua kuaver bersamaan dengan satu krocet.

$$\frac{1}{2} + \frac{1}{2} = 1$$

Cara menulis dua not kuaver yang dikumpulkan ialah

INFO TAMBAHAN

& (and) digunakan bagi menyebut not kuaver yang kedua dalam satu detik.

LATIHAN

1. Dengar dan ajuk semula corak irama di bawah.

Dengar Ajuk Dengar Ajuk

Audio 3.1
Dengar dan ajuk corak irama

2. Berdasarkan corak irama di bawah:
 a. Terangkan cara memainkan corak irama tersebut.
 b. Mainkan corak irama dengan menggunakan alat perkusi yang sesuai.

Audio 3.2
Latihan corak irama

S.P
1.2.1, 1.2.2,
1.2.3, 1.5.1



AKTIVITI

- Dengar audio lagu “Pejuang Negara”.
- Mainkan alat perkusi mengikut detik lagu.



♩ = 110 Lagu dan lirik: A. Hafzan Hassan

Di rim-ba hi-jau yang meng-gunung di la-ngit dan la-ut mem-bi-ru
 Se-ti - a men-ja-gadan mem-be - la De-mi ne-ga - ra yang ter-cin-
 ta Sen-ti - a-sa di-a ber-se-di - a me-mi-kul sen - ja-ta ber-sa-
 ma Tak ki - ra ma-sa dan di ma-na Di-a re - la per-
 ta-ruh-kan nya-wa De - mi a-ga-ma ne-ga - ra Se-ga-
 la bak-ti a-kan di-cu - rah Ke - kal da-lam li -
 pa-tan se-ja - rah Ke-nang-lah ja-sa pe-ngor-ba-nan-nya

Audio 3.3
Lagu Pejuang Negara (Vokal)

Audio 3.4
Lagu Pejuang Negara (Instrumental)

Audio 3.5
Lagu Pejuang Negara (Minus one)

Nota Guru

- Bimbing murid memainkan alat perkusi mengikut detik pada lagu “Pejuang Negara”.
- Gunakan pelbagai alat perkusi untuk memainkan detik pada lagu “Pejuang Negara”.



AKTIVITI

1. Pilih alat perkusi yang sesuai.
2. Mainkan corak irama mengikut skor lagu di bawah.
3. Setelah mahir bermain alat perkusi mengikut skor lagu, muat turun latihan melalui kod QR yang diberi dan mainkan dalam kumpulan.

SILA IMBAS



<http://arasmega.com/qr-link/pejuang-negara-dengan-iringan-2-perkusi/>



Pejuang Negara

♩ = 110

Lagu dan lirik: A. Hafzan Hassan

Di rim - ba hi-jau yang meng-gu-nung di la-ngit dan la-ut mem-bi-
 ru Se - ti - a men-ja-ga dan mem-be - la De-mi
 ne - ga - ra yang ter-cin - ta Sen - ti - a-sa di-a
 ber - se - di - a me-mi - kul sen - ja-ta ber-sa - ma

Tak ki - ra ma-sa dan di ma-na Di-a re - la per - ta-ruh-kan-nya
 wa De - mi a-ga-ma ne-ga - ra Se-ga-
 la bak-ti a-kan di-cu-rah Ke - kal da-lam li-
 pa-tan se-ja - rah Ke-nang-lah ja-sa pe-ngor-ba-nan-nya



Lagu Pejuang
Negara
(Iringan perkusi)



Lagu Pejuang
Negara
(Tanpa iringan
perkusi)



Nota Guru

- Bimbing murid memainkan corak irama berpandukan skor lagu dengan betul.





LATIHAN



SILA IMBAS


<https://arasmega.com/qr-link/latihan-m-s-26-27/>

1. Isi tempat kosong dengan not muzik yang sesuai bagi corak irama meter $\frac{2}{4}$.



a



b



c



d



2. Kirakan nilai not di bawah.

Contoh:

$$\begin{array}{c} \text{♪} + \text{♪} = \boxed{\quad} \\ \frac{1}{2} \quad \frac{1}{2} \end{array}$$

a

$$\begin{array}{c} \text{♪} + \text{♪} + \text{♪} + \text{♪} = \boxed{\quad} \\ \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \end{array}$$

b

$$\begin{array}{c} \text{♪} + \text{♪♪} + \text{♪} + \text{♪♪} = \boxed{\quad} \\ \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \boxed{\quad} \end{array}$$

c

$$\begin{array}{c} \text{♩} + \text{♪} + \text{♪} = \boxed{\quad} \\ \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \end{array}$$

d

$$\begin{array}{c} \text{♪} + \text{♪} + \text{♪♪} + \text{♪} = \boxed{\quad} \\ \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \boxed{\quad} \quad \boxed{\quad} \end{array}$$



AKTIVITI

Kemahiran
Abad
Ke-21

Kreativiti



Mencipta dan Mengaplikasi

- Hasilkan sebuah corak irama mudah yang menggunakan meter $\frac{2}{4}$ pada lagu "Pejuang Negara".
- Tulis semula corak irama yang telah dihasilkan.
- Mainkan corak irama tersebut dengan menggunakan alat perkusi yang sesuai bagi mengiringi lagu "Pejuang Negara".



PENILAIAN

- 1 Jawab soalan di bawah berdasarkan lagu “Pejuang Negara”.
- Salin semula keratan lagu dari bar 1 hingga bar 8 pada baluk kosong yang disediakan dalam pautan kod QR yang diberi.
 - Bincangkan nilai murni yang terdapat pada lagu.
 - Masukkan simbol dinamik yang sesuai pada skor.
 - Nyanyikan lagu bersama-sama sambil menepuk detik.



Mengaplikasi

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/skor-latihan-pejuang-negara/>



Pejuang Negara


$\text{♩} = 110$

Lagu dan lirik: A. Hafzan Hassan


A D E A
 Di rim - ba hi-jau yang meng-gu-nung di la-ngit dan la-ut mem-bi - ru
 A D E
 Se ti - a men-ja-gadan mem-be - la De-mi ne-ga - ra yang ter-cin
 A A D E
 ta Sen - ti - a-sa di-a ber-se-di - a me-mi - kul sen -
 A A D
 ja-ta ber-sa - ma Tak ki - ra ma-sa dan di ma - na Di-a

- 2 Mainkan corak irama di bawah dengan menggunakan alat perkusi yang sesuai.


Corak Irama 1



Corak Irama 2



Corak Irama 3



Tandakan tahap penguasaan anda

	Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Mahir
a) Dapat mengenal pasti nama not, simbol, tanda rehat, nilai krocet dan kuaver.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b) Dapat mengira jumlah nilai not.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c) Dapat menghasilkan corak irama menggunakan meter $\frac{2}{4}$.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d) Dapat menerangkan dinamik pada skor lagu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNIT 4

MELODI MASA

STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

- 1.1.1 Menulis meter $\frac{2}{4}$ $\frac{3}{4}$ $\frac{4}{4}$.
- 1.2.1 Mengajuk corak irama yang mengandungi not dan tanda rehat.
- 1.2.2 Menerangkan corak irama dalam aktiviti muzik.
- 1.2.3 Memainkan corak irama menggunakan alat perkusi.
- 1.2.4 Menghasilkan corak irama dalam aktiviti muzik.
- 1.5.1 Mengenal pasti not, nilai dan tanda rehat.
- 1.5.2 Menulis notasi muzik pada baluk.
- 1.5.3 Mengaplikasi notasi muzik dalam aktiviti muzik.
- 3.1.1 Mengenal pasti muzik rakyat Malaysia.
- 3.1.2 Menjelaskan muzik rakyat Malaysia dari aspek:
 - (i) Latar belakang.
 - (ii) Alat muzik.
- 3.1.3 Mengaplikasikan pengetahuan muzik rakyat Malaysia dalam aktiviti muzik.
- 3.1.4 Membanding beza genre muzik rakyat Malaysia.

Metronom ialah sejenis alat untuk menentukan sesebuah tempo yang dimainkan. Terdapat dua jenis metronom yang digunakan, iaitu metronom digital dan metronom analog.



MINIM BERTITIK DAN KROCET BERTITIK

Nama not	Simbol not	Simbol tanda rehat	Nilai
Minim bertitik			3
Krocet bertitik			1 1/2



Tanda titik (.) pada sebelah kanan not ini bermaksud nilainya separuh daripada not asal.

Contoh di bawah menunjukkan kiraan bagi not minim bertitik.

$$\begin{array}{c}
 \text{2 detik} \\
 \text{1 detik} \\
 \text{3 detik}
 \end{array}$$

Contoh di bawah menunjukkan kiraan bagi not krocet bertitik.

$$\begin{array}{c}
 \text{1 detik} \\
 \text{1/2 detik} \\
 \text{1 1/2 detik}
 \end{array}$$



LATIHAN



SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/latihan-m-s-33/>



Mengaplikasi

1. Kirakan nilai not di bawah.

Contoh:

$$\frac{1}{2} + \frac{1}{2} = 1$$

a

c

b

d



AKTIVITI



Dengar dan ajuk corak irama



Dengar dan ajuk semula corak irama di bawah.

Dengar	Ajuk	Dengar	Ajuk
1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4	1 2 3 4



AKTIVITI

1. Pilih alat perkusi yang sesuai.
2. Mainkan alat perkusi mengikut detik pada lagu.
3. Mainkan alat perkusi mengikut corak irama yang diberi bagi mengiringi lagu "Masa yang Berharga".
4. Setelah murid dapat bermain alat perkusi mengikut skor, muat turun latihan melalui kod QR dan mainkan dalam kumpulan.



Mengaplikasi

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/aktiviti-masa-yang-berharga/>



Masa yang Berharga

Waltz

Lagu dan lirik: Rosman Adam

$\text{♩} = 130$



Lagu Masa yang Berharga (Iringan perkusi)




Lagu Masa yang Berharga (Tanpa iringan perkusi)



Nota Guru

- Guru boleh bersoal jawab dengan murid tentang tanda isyarat muzik setelah memainkan lagu.



CAKLEMPONG

Caklempong merupakan permainan muzik tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Seni muzik ini dimainkan bagi mengiringi tarian dan nyanyian atau dimainkan secara instrumental.

Lagu-lagu caklempong dimainkan secara bertenaga dan bertempo laju. Alat-alat muzik yang sering digunakan dalam caklempong ialah gereteh, sauwa, tingkah, gendang ibu dan gendang anak.



Kumpulan caklempong sedang membuat persembahan.

Alat-alat Muzik Caklempong

Gereteh



SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/video-caklempong/>

Merupakan alat muzik utama yang memainkan melodi. Terdiri daripada 16 bonang yang disusun dalam nada C Major. Biasanya terdapat dua set gereteh dalam set lengkap caklempong.

Sauwa



Mempunyai lapan biji bonang. Notasi untuk sauwa bermula dari not E rendah (satu oktaf di bawah notasi gereteh). Bonang sauwa diketuk mengikut pola ritma secara ostinato dan bergerak mengikut kord melodi.

Nota Guru

- Guru boleh menayangkan video persembahan caklempong untuk meningkatkan kefahaman murid.

Tingkah



Gendang ibu dan gendang anak



Terdiri daripada lapan biji bonang yang mempunyai pic E, F, G, A, B^b, B, C, dan D. Cara permainan bonang tingkah lebih tertumpu pada pengawalan rentak dan menghasilkan irama mengikut rentak dalam lagu yang dimainkan.

Gendang atau dikenali juga sebagai tambur diperbuat daripada kayu nangka manakala kulitnya diperbuat daripada kulit lembu atau kerbau. Alatan ini berperanan memainkan rentak dan mengawal tempo.



INFO TAMBAHAN

Bangsi dan pupuik merupakan alat muzik tambahan dalam caklempong yang berfungsi memainkan melodi. Alat muzik yang dihasilkan daripada buluh ini tergolong dalam kumpulan erofon.





PENILAIAN



Kepekaan Silang Budaya

- 1 Permainan kad “Ceritakan Saya”.
 - a. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
 - b. Setiap kumpulan akan mengambil satu kad secara rawak daripada tiga sampul yang berbeza.
 - c. Kad dibuka dan wakil bagi setiap kumpulan diminta untuk membuat pembentangan di hadapan kelas.
 - d. Selepas selesai, wakil kumpulan pembentang akan memberikan soalan kepada kumpulan lain.
 - e. Permainan akan tamat selepas semua kumpulan selesai membuat pembentangan.

Latar Belakang Caklempong

- Caklempong merupakan permainan alat muzik tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan.
- Caklempong biasanya dimainkan mengiringi nyanyian dan tarian.
- Alat muzik ini juga dimainkan di majlis perkahwinan dan majlis keramaian.

Perbandingan Caklempong dan Gamelan

Caklempong

- Mempunyai empat alat muzik.
- Memainkan lagu yang bertempo laju.

Gamelan

- Mempunyai lapan alat muzik.
- Memainkan lagu yang bertempo sederhana dan perlahan.

Alat-alat Muzik Caklempong

- Gereteh
- Sauwa
- Tingkah
- Gendang ibu dan gendang anak

Alat-alat Muzik Tambahan

- Bangsi
- Pupuik

SILA IMBAS






<https://arasmega.com/qr-link/latihan-m-s-39/>

- 2 Hasilkan sebuah corak irama sepanjang 2 bar dengan menggunakan meter $\frac{3}{4}$.



- 3 Mainkan corak irama di bawah dengan menggunakan alat perkusi yang sesuai.



Tandakan tahap penguasaan anda

	Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Mahir
a Dapat mengenal pasti nama not, simbol, tanda rehat, nilai minim bertitik, dan krocet bertitik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b Dapat memainkan alat perkusi mengikut detik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c Dapat memainkan corak irama mengikut skor lagu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d Dapat mengetahui alatan caklempong dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> • Asal usul caklempong • Alat muzik caklempong 	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNIT 5

WARISAN BUDAYA

STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

- 1.2.1 Mengajuk corak irama yang mengandungi not dan tanda rehat.
- 1.2.2 Menerangkan corak irama dalam aktiviti muzik.
- 1.2.3 Memainkan corak irama menggunakan alat perkusi.
- 1.2.4 Menghasilkan corak irama dalam aktiviti muzik.
- 1.5.1 Mengenal pasti not, nilai dan tanda rehat.
- 1.5.3 Mengaplikasi notasi muzik dalam aktiviti muzik.
- 2.2.1 Memainkan alat muzik secara ensembel dengan:
 - (i) Teknik.
 - (ii) Elemen muzik.
- 2.2.2 Mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas bermain alat muzik.
- 3.1.1 Mengenal pasti muzik rakyat Malaysia.

Kepelbagaian etnik, budaya dan alam semula jadi yang unik menjadikan Sarawak sebagai destinasi pelancongan pilihan oleh pelancong tempatan dan luar negara.




SEMIKUVER

Nama not	Simbol not	Simbol tanda rehat	Nilai
Semikuaver			$\frac{1}{4}$

Empat yang bertemu dalam satu detik boleh dikumpulkan dan ditulis sebagai .

Bagi memberi lebih kefahaman tentang nilai $\frac{1}{4}$, anda boleh menganggap sebiji epal (1 krocet) yang dibahagi kepada 4 bahagian (4 semikuaver).



AKTIVITI

- 1 Dengar dan ajuk semula corak irama di bawah.



Dengar Ajuk Dengar Ajuk

- 2 Mainkan semula corak irama di bawah dengan alat perkusi yang sesuai.




GAMELAN

Gamelan dimainkan dengan menggunakan alat muzik seperti bonang atau keromong, saron demong, saron baron, saron pekin, gambang, kenong, gendang, dan gong.


SILA IMBAS




<http://arasmega.com/qr-link/persembahan-gamelan/>




Bonang atau keromong



Saron demong




Gambang




Kenong



Gendang



Gong



Saron baron



Saron pekin

Nota Guru

- Guru mengingatkan murid etika sebelum, semasa dan selepas bernyanyi sebelum memulakan permainan alat muzik.
- Guru boleh menambah beberapa etika lain yang sesuai.

Etika Bermain Alat Musik

Kemahiran
Abad
Ke-21
Disiplin diri

Sebelum mula bermain alat musik

- Datang awal ke kelas atau tempat latihan.
- Tidak membawa makanan dan minuman ke dalam bilik atau ke tempat latihan.
- Tidak bergurau senda di dalam bilik latihan.
- Lakukan latihan secara bersendirian pada bahagian yang belum mahir dahulu.

Semasa bermain alat musik

- Berikan tumpuan sepenuhnya kepada guru atau ketua.
- Sentiasa duduk dengan postur badan yang betul.
- Pastikan membawa skor dan nota pembelajaran.
- Pamerkan wajah yang ceria dan gembira.

Selepas bermain alat musik

- Kemas dan simpan semula alat musik ke tempat asal.
- Pastikan tiada sampah atau barang yang tertinggal.
- Ucap terima kasih kepada guru atau ketua.
- Keluar dari bilik musik dengan teratur dan tertib.



AKTIVITI

1. Dengar audio lagu “Antawada”, teliti dan fahami skor lagu di bawah.



Antawada

- 2 2 -	2 2 1 2 ^v . t .d d	2 1 2 3 ^v .t . .t .d	5 3 1 2 ^v d .t .d d
2 1 2 3 ^v .t . .t .d	5 3 1 2 ^v d .t .d d	2 1 2 3 ^v .t . .t .d	2 3 5 6 ^v d .t .d d
- 6 6 5 ^v .t . .t .d	3 3 3 5 6 ^v d .t .d d	- 6 6 5 ^v .t . .t .d	3 5 6 i ^v d .t .d d
- i i 6 ^v .t . .t .d	i i i 6 5 ^v d .t .d d	BUKA - 5 3 5 ^v .t . .t .d	i i i 6 ^v d .t .d d
i 6 5 3 ^v .t .t .t .d	2 2 1 2 ^v dd .d .d d	- 1 1 - .t .t .t .d	12 3 1 2 ^v dd .d .d d

	Garis bar	⤿	Gong suwukan dimainkan
•	Rehat	○	Gong agong dimainkan
∨	Kenong dimainkan	†	Tak (bunyi gendang) permukaan kecil
BUKA	Bahagian yang bertanda “BUKA” ini ialah bahagian yang perlu dimainkan dahulu.	d	Dum (bunyi gendang) permukaan besar

Nota Guru

- Bimbing murid memahami simbol yang digunakan dalam skor lagu “Antawada” dengan dibantu oleh audio.



2. Dengar audio dan mainkan gamelan baris demi baris.

a

Audio 5.4 Melodi baris 1

Audio 5.5 Melodi baris 1 dengan iringan gendang

Audio 5.6 Melodi baris 2

Audio 5.7 Melodi baris 2 dengan iringan gendang

Audio 5.8 Melodi baris 3

Audio 5.9 Melodi baris 3 dengan iringan gendang

c

Audio 5.10 Melodi baris 4

Audio 5.11 Melodi baris 4 dengan iringan gendang

d

Audio 5.12 Melodi baris 5

Audio 5.13 Melodi baris 5 dengan iringan gendang

e

Notation for row a: | - 2 2 - | 2 2 1 2^v | 2 1 2 3 | 5 3 1 2^v |

Notation for row b: | 2 1 2 3 | 5 3 1 2^v | 2 1 2 3 | 2 3 5 6^v |

Notation for row c: | - 6 6 5 | 3 3 3 5 6^v | - 6 6 5 | 3 5 6 i^v |

Notation for row d: | - i i 6 | i i 6 5^v | - 5 3 5 | i i i 6^v |

Notation for row e: | i 6 5 3 | 2 2 1 2^v | - 1 1 - | 1 2 3 1 2^v |

SAPE

Sape ialah alat muzik bertali yang popular di negeri Sarawak. Alat muzik ini dimainkan oleh masyarakat Orang Ulu, khususnya kaum Kayan, Kenyah, Kelabit, Penan, Iban dan juga suku kaum Orang Ulu lain yang tinggal di pedalaman Sarawak.

Sape berbentuk seperti sebuah sampan yang diperbuat daripada sebatang pokok kayu ardigunakan untuk membuat sape. Badan sape berongga, iaitu bahagian belakangnya dibiarkan terbuka bagi menghasilkan bunyi yang kuat. Kebiasaannya, terdapat ukiran bermotif Orang Ulu pada permukaan sape dan diwarnakan sama ada merah atau hitam.



Sape telah banyak mengalami perubahan, sesuai dengan peredaran zaman. Sape yang dahulunya hanya mempunyai dua tali, kemudian bertambah menjadi tiga tali dan seterusnya sape moden seperti yang dapat dilihat pada hari ini menggunakan empat tali. Sape turut ditambah aplikasi elektrik yang bertujuan untuk menguatkan bunyi. Terdapat juga sape kontemporari yang menggunakan enam tali dan sangat rumit untuk dimainkan.




Pemain sape sedang membuat persembahan.

SILA IMBAS

<https://arasmega.com/qr-link/sape/>

- Nota Guru**
- Guru boleh menayangkan video persembahan sape untuk meningkatkan lagi kefahaman murid.

Bahagian Alat Muzik Sape Mengikut Suku Kaum Kenyah



Peranan Sape

Lazimnya, sape dimainkan bagi mengiringi tarian ngajat. Sape juga berperanan menyambut kedatangan tetamu atau pembesar yang datang berkunjung ke kampung mereka. Pada masa kini, sape sering digunakan dalam lagu yang bertemakan irama Malaysia.



PENILAIAN




SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/latihan-m-s-49-51/>

1 Namakan alat muzik gamelan di bawah.




- 2 Pilih satu alat muzik yang terdapat dalam ensembel gamelan. Mainkan lagu “Antawada” berpandukan skor dengan teknik yang betul.

ANTAWADA

- 2 2 -	2 2 1 2	2 1 2 3	5 3 1 2
. t d d	. t . d	d . t d d
2 1 2 3	5 3 1 2	2 1 2 3	2 3 5 6
. t . t d	d . t d d	. t . t d	d . t d d
- 6 6 5	3 3 3 5 6	- 6 6 5	3 5 6 i
. t . t d	d . t d d	. t . t d	d . t d d
- i i 6	i i 6 5	- 5 3 5	i i i 6
. t . t d	d . t d d	. t . t d	d . t d d
i 6 5 3	2 2 1 2	- 1 1 -	1 2 3 1 2
. t . t d	d d d d	. t . t d	d d d d

- 3 Huraikan secara ringkas berkenaan alat muzik sape.



Nota Guru

- Guru akan membuat penilaian berdasarkan teknik bermain gamelan yang betul.
- Bimbing murid mengamalkan etika dan nilai murni sebelum, semasa dan selepas bermain gamelan.

- 4 Huraikan secara ringkas perbezaan antara sape dan gitar.

Sape

Gitar



Menilai

Tandakan tahap penguasaan anda

	Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Mahir
a Dapat mengamalkan etika dan nilai murni bermain alat muzik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b Dapat mainkan lagu “Antawada” dengan teknik yang betul.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c Dapat mengetahui tentang alatan sape dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> • Asal usul sape • Alat muzik sape 	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNIT 6

BUMIKU TERCINTA

STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

- 1.2.3 Memainkan corak irama menggunakan alat perkusi.
- 1.3.1 Mengenal pasti dinamik pada skor.
- 1.3.2 Mengaplikasikan dinamik dalam aktiviti muzik.
- 1.3.3 Membanding beza dinamik pada skor dalam aktiviti muzik.
- 1.4.1 Menerangkan tanda isyarat muzik pada skor lagu.
- 1.4.2 Mengenal pasti tanda isyarat muzik pada skor lagu.
- 2.2.1 Memainkan alat muzik secara ensemble dengan
 - (i) Teknik.
 - (ii) Elemen muzik.
- 3.1.1 Mengenal pasti muzik rakyat Malaysia.
- 3.1.2 Menjelaskan muzik rakyat Malaysia dari aspek:
 - (i) Latar belakang.
 - (ii) Alat muzik.
- 3.1.4 Membanding beza genre muzik rakyat Malaysia.

Keindahan alam semula jadi di Banjaran Bengoh, Sarawak seperti di The Mountains and Fjords of Milford Sound and Doubtful Sound, New Zealand.



ANGKLUNG


Angklung merupakan alat muzik tradisional yang diperbuat daripada buluh. Alat muzik ini dibunyikan dengan cara menggoncangkan tabung buluh.

Terdapat dua jenis angklung yang dimainkan, iaitu angklung melodi (not) dan angklung kord.


Angklung melodi atau not terdiri daripada not-not seperti C, D, E, F, G dan sebagainya. Manakala angklung kord terdiri daripada susunan tiga not yang membentuk satu kord (triad).



Kelab Angklung Warisani, SMK Taman Sri Muda, Shah Alam sedang membuat persembahan.



Angklung melodi atau not



Angklung kord

Teknik Bermain Angklung

Terdapat tiga teknik untuk membunyikan angklung, iaitu teknik getar, teknik centok, dan teknik tengkep.

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/teknik-bermain-angklung/>

Teknik getar

Teknik getar ialah teknik asas dan utama dalam permainan angklung. Bunyi akan terhasil apabila digetar atau digoncangkan keseluruhan tabung ke kiri dan ke kanan dengan laju sehingga bunyi yang dihasilkan tidak putus.

Teknik centok

Teknik centok digunakan untuk menghasilkan bunyi yang pendek (*staccato*). Bahagian atas angklung hendaklah dipegang sementara tangan kanan akan menepuk bahagian tepi tabung dasar untuk melakukan teknik ini.

Teknik tengkep

Teknik ini dilakukan untuk membunyikan tabung-tabung tertentu sahaja. Tabung-tabung yang tidak perlu akan disenyapkan (*mute*) dengan cara menahan tabung-tabung yang tidak diperlukan dengan jari. Teknik ini akan menghasilkan bunyi yang lembut.

Susunan Notasi dan Nombor Angklung

Skor di bawah menunjukkan notasi yang mewakili nombor angklung.

Cara Memegang Angklung

Angklung dipegang di bahagian atas sama ada dengan tangan kanan atau kiri. Tangan dominan akan menggoncangkan bahagian bawah untuk menghasilkan bunyi.

Kebiasaannya, dalam sesebuah ensemble muzik angklung seorang pemain akan mewakili dan memainkan satu angklung melodi atau not. Walau bagaimanapun, terdapat juga seorang pemain yang mewakili dan memainkan dua angklung melodi atau not berlainan pic yang turut dipengaruhi oleh kemahiran pemain angklung tersebut.



INFO TAMBAHAN



Tiga angklung melodi atau not yang disusun mengikut triad dimainkan secara serentak akan menghasilkan kord.

LATIHAN

1. Mainkan semula corak irama di bawah dengan menggunakan alat muzik angklung dengan mengaplikasikan dinamik yang diberi.

Latihan Angklung 1

Audio 6.1
Latihan angklung 1

Latihan Angklung 2

Audio 6.2
Latihan angklung 2

Latihan Angklung 3

Audio 6.3
Latihan angklung 3

2. Pilih angklung berpandukan nombor angklung pada jadual kekerapan di bawah. Mainkan mengikut skor yang diberi.

Jadual kekerapan											
Nombor angklung	8	12	13	15	17	18	20	22	24	25	27
Kekerapan	4x	2x	2x	3x	3x	3x	4x	3x	2x	3x	3x

Audio 6.4
Latihan angklung (Instrumental)

Audio 6.5
Latihan angklung (Minus one)

Nota Guru

- Bimbing murid memainkan angklung mengikut corak irama dan dinamik yang diberi.
- Bimbing murid memainkan angklung secara ensemble mengikut teknik yang telah dipelajari.

S.P
1.3.2, 1.2.3,
2.2.1

3. Mainkan lagu “Tanah Pusaka” dengan menggunakan angklung.

Jadual kekerapan lagu Tanah Pusaka											
Nombor angklung	8	12	13	15	17	18	20	22	24	25	27
Kekerapan	6x	13x	25x	21x	21x	14x	11x	12x	7x	5x	1x

Tanah Pusaka



Patriotisme



Menganalisis

Andante

♩ = 78

Ciptaan: Dato' Ahmad Merican

Audio 6.6

Lagu Tanah Pusaka (Tringan angklung)

Audio 6.7

Lagu Tanah Pusaka (Instrumental)

Audio 6.8

Lagu Tanah Pusaka (Minus one)

Nota Guru

- Bimbing murid memainkan alat muzik angklung mengikut skor lagu “Tanah Pusaka”.

S.P
1.2.3, 2.2.1



DONDANG SAYANG

Dondang sayang ialah sebuah persembahan nyanyian yang terkenal di negeri Melaka. Dondang sayang dinyanyikan oleh dua orang penyanyi dalam bentuk berbalas pantun yang disampaikan secara spontan. Penyanyi pertama akan memberi soalan dalam bentuk pantun dan penyanyi kedua akan membeli pantun dengan membalas atau menjawab soalan penyanyi pertama. Selepas itu, giliran penyanyi kedua pula menjual pantun kepada penyanyi pertama.

Menurut beberapa pendapat menyatakan bahawa dondang sayang telah muncul pada kurun ke-15 Masihi semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sehingga hari ini, persembahan dondang sayang termasuk dari segi persembahan, alat muzik, dan irama telah mengalami perubahan untuk disesuaikan dengan kehendak semasa supaya menjadi lebih menarik.



Kumpulan dondang sayang sedang membuat persembahan.

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/persembahan-dondang-sayang/>



Alat Muzik Dondang Sayang


Alat-alat muzik yang digunakan untuk mengiringi nyanyian dondang sayang terdiri daripada biola, akordian, gong, dan rebana. Biola berperanan memainkan melodi kaunter dalam persembahan. Akordian akan memainkan kord manakala gong dan rebana memainkan rentak dan mengawal tempo.

Alat Muzik	Fungsi
Biola	Memainkan melodi kaunter
Akordian	Memainkan kord
Gong	Mengawal tempo
Rebana	Memainkan rentak



INFO TAMBAHAN

Dondang sayang adakalanya dimainkan dengan alat tambahan seperti tamborin dan marakas.





PENILAIAN



SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/penilaian-m-s-60-61/>



Menganalisis

- 1 Jawab soalan di bawah berdasarkan keratan skor lagu “Tanah Pusaka”.



Andante
♩ = 78
Ciptaan: Dato' Ahmad Merican

The musical score for 'Tanah Pusaka' is in 4/4 time, marked Andante with a tempo of 78 beats per minute. It features four staves of music. The first staff starts with a G major chord and a piano (p) dynamic. The second staff has a forte (f) dynamic. The third staff has a mezzo-forte (mp) dynamic. The fourth staff has a forte (f) dynamic. Chords include G, Am, Am/D, Em, C, D, and G.

- a. Senaraikan dinamik yang terdapat pada skor lagu “Tanah Pusaka”.

- b. Bandingkan perbezaan antara dinamik pada bar 2 dengan dinamik pada bar 14.

- c. Bagaimanakah dinamik pada bar ke 6 dan 7 harus dimainkan?

- d. Apakah perbezaan antara dinamik pada bar 1 dengan bar 2?



Menilai

- 2 Huraikan secara ringkas berkenaan asal usul dan ciri-ciri dondang sayang.

- 3 Nyatakan fungsi alat muzik dondang sayang pada jadual di bawah.

Alat muzik	Fungsi
Akordion	
Gong	
Biola	
Rebana	

- 4 Nyatakan perbezaan antara dondang sayang dengan boria.

Dondang sayang	Boria

Tandakan tahap penguasaan anda

	Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Mahir
a. Dapat mengaplikasikan dinamik dalam aktiviti muzik dengan betul.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Dapat mengetahui teknik bermain angklung.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Dapat mengetahui tentang dondang sayang dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> Asal usul dondang sayang Alat muzik dondang sayang 	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNIT 7

MENCAPAI IMPIAN

STANDARD PEMBELAJARAN

Dalam unit ini, murid akan mempelajari tentang:

- 3.1.1 Mengenal pasti muzik rakyat Malaysia.
- 3.1.2 Menjelaskan muzik rakyat Malaysia dari aspek:
 - (i) Latar belakang.
 - (ii) Alat muzik.
- 4.1.1 Mengimprovisasikan corak irama.
- 4.1.2 Mencipta corak irama.
- 4.1.3 Mempersembahkan hasil ciptaan.

Gapai impian anda dengan berusaha bersungguh-sungguh serta mengembirakan ibu dan bapa atas kejayaan anda.



GAHAL

Ghazal merupakan muzik tradisional yang sangat popular di Malaysia terutamanya di negeri Johor. Ghazal sering dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan, persembahan perasmian sesuatu acara dan pelbagai majlis keramaian yang lain. Perkataan ghazal dipinjam daripada perkataan Arab yang bermaksud “lagu dan puisi kasih”.

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/persembahan-ghazal/>



Ghazal dipercayai berasal dari Tanah Arab dan mempunyai pengaruh kuat dari negara India. Pada kurun ke-19, ghazal sangat popular di Pulau Penyengat, Riau, Indonesia. Pada waktu itu, bangsawan Johor yang sering berurusan di Riau berminat dengan muzik ghazal dan telah mempelajarinya lalu menubuhkan sendiri kumpulan muzik ghazal serta mengembangkan muzik tersebut ke negeri Johor.



Kumpulan ghazal sedang membuat persembahan.

Pemuzik ghazal biasanya terdiri daripada pemuzik lelaki yang berpakaian baju Melayu teluk belanga, bersongkok, dan bersamping. Antara lagu yang sering dimainkan dalam persembahan ghazal ialah Pak Ngah Balik, Dia Datang, Sri Siantan, Hati Tergoda, Ya Salam dan lain-lain.

Nota Guru

- Guru boleh menayangkan video ghazal bagi meningkatkan lagi kefahaman murid.

Alat-alat Muzik Ghazal

Antara alat yang digunakan dalam persembahan ghazal ialah gambus, peti harmonium, biola, gitar, marakas, tamborin, dan set tabla.

Peti harmonium, gambus, dan biola berfungsi memainkan melodi. Sementara itu, tabla, marakas, dan tamborin digunakan sebagai peningkah untuk memainkan rentak serta mengawal tempo dalam persembahan ghazal.



Gitar



Biola



Tamborin



Marakas



Tabla



Gambus



Harmonium

INFO TAMBAHAN

Antara penyanyi terkenal dalam irama ghazal ialah Allahyarham Fadzil Ahmad, Allahyarhamah Datuk Sharifah Aini, Allahyarhamah Rosiah Chik, Allahyarhamah Datin Rafeah Buang, Allahyarhamah Datin Orchid Abdullah, Ramlah Ram dan ramai lagi.

LATIHAN



I. Jawab soalan di bawah berdasarkan skor lagu yang diberi.



Moderato
♩ = 110

Lagu dan lirik: A. Hafzan Hassan

Ke Puncak Kinabalu

1 C F G C Dm
Ku-pan-dang ting - gi gu - nung ki-na-ba - lu Ku i - ngin meng-ga-pai

mf

6 G to CODA C F Gmaj7 C
a-wan yang bi - ru A yuh ka-wan - ku ja-ngan mem-bu-ang wak - tu be-la-

f

13 Dm G D.C. al CODA C
jar dan fa-ha-mi se-ga-la il - mu Ku pan A - yuh ka-wan-

19 F Gmaj7 C Dm G C
ku ca-pai-lah im pi-an-mu I - bu ba-pa sen-tia-sa do a-kan- mu


- a Nyatakan tempo lagu “Ke Puncak Kinabalu”.
- b Namakan simbol dinamik yang terdapat pada bar 1.
- c Apakah nombor bar yang mempunyai simbol *decrescendo*?
- d Bagaimanakah bar 11 hingga 12 harus dinyanyikan?
- e Apakah nama dinamik pada bar ke 11?
- f Terangkan maksud *D.C al Coda*.

IMPROVISASI CORAK IRAMA

Improvisasi bermaksud mencipta atau penambahan sesuatu hasil karya secara spontan dengan tidak merubah maksud asal karya yang dihasilkan. Improvisasi dapat melatih anda untuk mencipta corak irama yang baharu melalui kreativiti tersendiri.



Contoh improvisasi corak irama



Contoh Improvisasi Corak Irama

Guru memainkan corak irama dengan menggunakan alat perkusi. Ketika guru sedang memainkan alat perkusi, anda dikehendaki mendengar dan bersedia untuk memainkan corak irama yang berlainan daripada guru pada bar seterusnya.

Guru

Murid

LATIHAN

Dengar audio dan improvisasikan corak irama yang didengari pada bar berikutnya.



Latihan improvisasi corak irama 1



Improvisasi Corak Irama 1

Dengar

Improvisasi



Latihan improvisasi corak irama 2



Improvisasi Corak Irama 2

Dengar

Improvisasi

Nota Guru

- Bimbing murid mengimprovisasi corak irama yang didengari.
- Guru boleh menggunakan corak irama yang lain untuk meningkatkan kefahaman murid.



MENCIPTA CORAK IRAMA

Ciptakan corak irama bagi dua alat perkusi. Pastikan alat perkusi pilihan bersesuaian dengan corak irama yang akan dihasilkan.

Contoh Corak Irama

Kompang

Tamborin

LATIHAN

1. Cipta corak irama mengikut jenis alat perkusi yang dipilih.



Mencipta



SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/latihan-m-s-68/>

Blank musical staves for 2/4 time signature.

Blank musical staves for 3/4 time signature.

Blank musical staves for 4/4 time signature.

Nota Guru

- Bimbing murid memilih alat perkusi yang sesuai.
- Bimbing murid mencipta corak irama yang telah dipelajari.
- Persembahkan hasil karya yang telah dicipta di hadapan kelas.



PENILAIAN



Nilai Murni



Kreativiti



Mencipta dan Mengaplikasi

1. Anda dikehendaki memilih satu sahaja daripada tiga jenis penilaian akhir di bawah.

a. Secara berkumpulan, anda dikehendaki untuk:

- Memilih skor lagu yang telah dipelajari.
- Mencipta corak irama untuk dua alat perkusi bagi mengiringi lagu yang dipilih.
- Menjalankan latihan bersama rakan-rakan.
- Membuat persembahan.

b. Secara berkumpulan, anda dikehendaki untuk:

- Memilih skor lagu ghazal yang telah ataupun baru dipelajari.
- Menjalankan latihan bersama rakan-rakan.
- Membuat persembahan.

c. Secara berkumpulan, anda dikehendaki untuk:

- Memilih sebuah lagu pusingan.
- Menjalankan latihan bersama rakan-rakan.
- Membuat persembahan.

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/borang-penilaian-alat-perkusi/>

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/borang-penilaian-alat-muzik-gamelan/>

SILA IMBAS



<https://arasmega.com/qr-link/borang-penilaian-nyanyian/>



- 2 Secara individu, anda dikehendaki untuk menghasilkan sebuah folio berkaitan dengan muzik rakyat Malaysia yang telah dipelajari.

Penilaian Folio Muzik Rakyat Malaysia				
Nama:				
Tajuk:				
Kelas:				
Bil.	Perkara dinilai	Pencapaian: Tandakan (√) mengikut penguasaan murid		
		1 : Baik	2 : Memuaskan	3 : Cemerlang
		1	2	3
1.	Muka depan			
2.	Senarai kandungan			
3.	Penghargaan			
4.	Kandungan <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan • Asal-usul • Alat muzik • Penutup 			
5.	Sumber rujukan			
6.	Lampiran			

Tandakan tahap penguasaan anda

	Tidak Mahir	Sederhana Mahir	Mahir
a Mengenal pasti muzik ghazal yang telah dipelajari.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b Menjelaskan muzik ghazal dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> • Latar belakang • Alat muzik 	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c Mengimprovisasikan corak irama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d Mencipta corak irama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e Mempersembahkan hasil ciptaan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

GLOSARI

Istilah	Penerangan
Ajuk	Meniru tingkah laku atau percakapan orang.
Apresiasi	Penghayatan nilai sesuatu karya seni.
Bangsi	Alat muzik yang ditiup.
Corak Irama	Susunan bunyi panjang dan pendek berdasarkan meter.
Ensembel	Sekumpulan pemuzik instrumental atau vokal yang membuat persembahan bersama-sama.
Ekspresi	Air muka pada wajah yang menunjukkan perasaan hati.
Erofon	Jenis alat muzik dari proses meniup atau menghembus seperti seruling.
Estetik	Keindahan atau penghargaan terhadap keindahan (terutamanya dalam bidang seni).
Irama	Pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek.
Konduktor	Orang yang memimpin sesuatu persembahan koir, simfoni atau orkestra.
Kord	Kombinasi beberapa not muzik yang dimainkan pada masa yang sama
Melodi	Merupakan susunan not mengikut irama secara tunggal.
Melodi kaunter	Melodi yang ditalun (echo) berubah dan tidak seperti melodi asal.
Notasi muzik	Jenis-jenis not yang akan menentukan irama atau nilai nada lagu yang dimainkan.
Ostinato	Corak melodi dan ritma yang diulangi dan berfungsi sebagai iringan dalam sesebuah karya.
Perkusi	Alat muzik yang dipalu, diketuk atau digoncang untuk menghasilkan bunyi.
Pic	Darjah tinggi atau rendahnya nada suara (bunyi).
Rentak	Gerakan yang teratur dalam lagu; irama; tingkah.
Skor	Nota yang mengandungi not muzik.
<i>Solfa</i>	Latihan vokal yang menggunakan satu sistem bagi setiap not dalam sesuatu skel.
<i>Staccato</i>	Cara permainan yang pendek.
Tempo	Kelajuan sesuatu karya muzik.
Triad	Gabungan tiga not yang membentuk satu kord.

RUJUKAN

Connie Keh Nie Lim, Narawi Haji Rashidi dan Saufi Aiman Yahya, 2016. *Sape: Alat Muzik Tradisional Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Ahmad Omar Haji Ibrahim, 2005. *Joget Gamelan: Terengganu & Pahang: Penerus Tradisi Seni Persembahan Istana Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Harun Mat Piah dan Siti Zainon Ismail, 1986. *Lambang Sari: Tari Gamelan Terengganu*. Selangor: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kerjasama Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.

Latifah Arifin, 2015. "Sape Pemangkin Semangat". dlm. Berita Harian (Sisipan BH2/ Sastera), hlm. 4, 28 September 2015.

Mastor Hj Jarkaseh, 2007. *Asas Pendidikan Muzik 1*. Perak: Produksi Tabuh Emas.

Mohd Azam Sulong dan Mastor Hj Jarkaseh, 2009. *Asas Pendidikan Muzik 2*. Selangor: Produksi Tabuh Emas.

Mohd Ghouse Nasruddin, 1992. *The Malay Traditional Music*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yasin Ahmad, 2005. *Dondang Sayang. Batu Berendam*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng, 2012. *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998. *Buku Sumber dan Aktiviti Pendidikan Muzik Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof, 2017. *GAMBUS: Spesifikasi dan Cara Bermain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suzan Ahmad, 2008. *Caklempong Alat Muzik Melayu*. Malaysian National News Agency.

YM Raja Iza Akhmar, 2020. *Angklung Malaysia Cara Pak Radja*. Perak: Ria SS Enterprise.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____ Tarikh Penerimaan: _____ <p style="text-align: center;">BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</p>			



RM12.00

ISBN 978-967-2448-89-1



9 789672 448891

FTK175001